

28.3.2019

KENYATAAN MEDIA

CEO PBAHB DAN PBAPP DILANTIK SEBAGAI AHLI PANEL PENASIHAT USM BAGI KEJURUTERAAN AWAM

PULAU PINANG, Khamis, 28.3.2019: Ketua Pegawai Eksekutif PBA Holdings Bhd dan PBAPP, Dato' Ir. Jaseni Maidinsa bersetuju untuk menjadi ahli Panel Penasihat Industri/Komuniti (ICAP) Universiti Sains Malaysia (USM).

Dalam surat bertarikh 5.2.2019, Naib Canselor USM Prof. Datuk Dr. Asma Ismail melantik Dato' Ir. Jaseni sebagai ahli ICAP bagi Pusat Pengajian Kejuruteraan Awam untuk tempoh 15.2.2019 hingga 31.12.2021.

Pada 15.3.2019, Dato' Ir. Jaseni menerima pelantikan itu.

ICAP USM, dipengerusikan oleh Dekan Pusat Pengajian atau Ketua Pusat, ditubuhkan sebagai platform bagi universiti untuk bekerjasama dengan industri/komuniti yang berkaitan dalam bidang:

- Pengajaran dan Pembelajaran;
- Perkhidmatan Konsultansi;
- Pendidikan Berterusan;
- Penyelidikan dan Pembangunan (R&D);
- Perkongsian kemudahan; dan
- Projek dan program libatsama komuniti.

Sehingga kini, karier Dato' Ir. Jaseni dalam Kejuruteraan bekalan air di Pulau Pinang menjangkau 34 tahun.

Beliau berkelulusan Diploma Kejuruteraan Awam dari Universiti Teknologi Malaysia (1979) dan Ijazah BSc. (Kepujian) Kejuruteraan Awam dari Universiti Glasgow (1984).

Dato' Ir. Jaseni juga memiliki Diploma Pengurusan dari Institut Pengurusan Malaysia (1991). Beliau memperoleh Ijazah Sarjana Pentadbiran Perniagaan dari USM pada tahun 2001.



Dato' Ir. Jaseni adalah Jurutera Profesional berdaftar dengan Lembaga Jurutera Malaysia (BEM), Ahli Persatuan Air Malaysia (MWA) dan Ahli Institut Jurutera Malaysia (IEM).

Pada 1.4.2007, beliau dilantik sebagai Ketua Pegawai Eksekutif PBAHB dan Pengurus Besar PBAPP. Pada 1.3.2015, beliau telah dilantik sebagai Ketua Pegawai Eksekutif PBAPP.

Sepanjang tempoh perkhidmatan beliau sebagai Ketua Pegawai Eksekutif setakat ini, Dato' Ir. Jaseni telah menerima anugerah berikut:

- 2015: "Anugerah Kejuruteraan Cemerlang ASEAN" daripada Persidangan Ke-33 Persekutuan Pertubuhan Kejuruteraan ASEAN (CAFEO33).
- 2018: "Anugerah Air Malaysia bagi Pengurusan" daripada Persatuan Air Malaysia (MWA).
- 2018: "Anugerah Jurutera Unggul 2018" daripada Institusi Jurutera Malaysia Cawangan Pulau Pinang (IEM Penang).

Dikeluarkan oleh : Puan Syarifah Nasywa bt Syed Feisal Barakbah
Unit Komunikasi Korporat
Tel : 04-200 6607
Email : syarifah@pba.com.my

